

21/03/1998

Petronas beli ikut harga pasaran

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Firma penilai bebas dari luar negara dilantik bagi menentukan harga pembelian sesebuah syarikat swasta oleh syarikat milik kerajaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Langkah itu, kata Timbalan Perdana Menteri, mengelak tuduhan atau tafsiran umum kononnya kerajaan terbabit dalam usaha menyelamatkan atau mempengaruhi keputusan syarikat milik kerajaan menguasai kepentingan dalam firma swasta.

Sambil merujuk kepada cadangan Petronas membeli Pasific Basin Bulk Shipping Ltd (Pasific Basin) daripada Konsortium Perkapalan Bhd (KPB), Anwar menegaskan, kerajaan akan meneliti laporan penilai bebas itu sebelum membuat sebarang keputusan.

"Kerana pembelian ini membabitkan KPB yang dikuasai Mirzan Mahathir, ada pihak membuat tafsiran seolah-olah kerajaan memaksa (pembelian itu).

"Keputusan sebenarnya dibuat oleh lembaga pengarah Petronas dan Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC) selepas membuat penilaian mengenainya dan kepentingan strategik Petronas," katanya menolak kritikan media asing kononnya kerajaan cuba menyelamatkan KPB.

Beliau menjelaskan demikian selepas berucap pada Dialog Ekonomi Bersama Timbalan Perdana Menteri di sini, hari ini. Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

MISC baru-baru ini memeterai dua perjanjian persefahaman (MoU) dengan Petronas dan KPB untuk mengambil alih Petronas Tankers Sdn Bhd (Petronas Tankers) daripada Petronas serta Pasific Basin Bulk Shipping Ltd (Pasific Basin) daripada KPB.

Pengambilalihan itu akan menjadikan MISC sebagai anak syarikat Petronas dengan perbadanan petroleum negara itu menjadi pemegang saham terbesar dalam MISC dengan 29.3 peratus ekuiti. Selepas pengambilalihan itu, pegangan Petronas dalam MISC dijangka melebihi 50 peratus.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sudah meluluskan Petronas Tankers diletakkan dalam MISC bagi membolehkannya menjadi syarikat berupaya dan berdaya maju.

"Kes ini bukan bail out (menyelamat) atau bantuan pembelian kerajaan. Ini hanya berlaku jika kita melihat dari sudut harga. Saya ingin jelaskan Petronas dan MISC tidak memutuskan harga. Harga diputuskan mengikut kadar pasaran yang ditentukan oleh syarikat penilai bebas.

"Oleh itu, teguran kita mengambil keputusan untuk menyelamatkan KPB tidak benar kerana harganya masih dalam peringkat penilaian dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing, Suruhanjaya Sekuriti dan syarat lain," katanya.

Beliau berkata, pengambilalihan itu akan menyaksikan pengukuhan operasi kapal tangki yang kini dipajak kepada Petronas oleh MISC. Ia juga mengukuhkan keperluan perkapalan Petronas serta menghasilkan penyelarasan dan kecekapan operasi bagi syarikat minyak itu.

Petronas Tankers adalah penyedia perkhidmatan pengurusan kepada pemilik dan pengusaha kapal yang mengangkut gas asli cecair (LNG) serta mempunyai pegangan pelaburan bagi lima anak syarikat yang terbabit dalam pemilikan dan operasi kapal pengangkut LNG.

MISC yang akan mengambil alih Pasific Basin daripada KPB, juga akan memiliki 51 peratus ekuiti dalam Asia LNG Transport dan Asia LNG Transport Dua Sdn Bhd (ALT2), kedua-duanya anak syarikat PNSL Bhd (PNSL), di samping mengambil alih sembilan kapal PNSL dan dua kapal yang baru dibina.

Anwar berkata, pengukuhan industri perkapalan negara begitu penting kerana ia dapat melegakan tekanan imbalan pembayaran negara yang mengalami defisit dan mengurangkan pergantungan kepada syarikat perkapalan asing.

(END)